

16/01/1997

Televisyen jenama MEC akan dilancar

MEC Bhd, anak syarikat Kuala Lumpur Industries Holdings Bhd (KLIH), akan melancarkan televisyen nasional pertama yang menggunakan jenama MEC (Malaysian Electric Corporation) tidak lama lagi.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Andrew Leong, berkata jika semua perancangan berjalan lancar, televisyen yang berasaskan teknologi Jerman itu akan dilancarkan selewat-lewatnya sebelum Tahun Baru Cina.

Beliau berkata, pengeluaran televisyen nasional itu menjadi kenyataan apabila MEC Bhd mengambil alih syarikat Grundig di Pulau Pinang, termasuk kakitangan Pusat Penyelidikan dan Pembangunannya, tiga bulan lalu.

Pada masa ini, katanya, televisyen itu dikeluarkan di pulau mutiara sehingga Bandar MEC di Gambang, Kuantan, yang dipilih menjadi pusat peralatan elektrik nasional, siap untuk beroperasi.

"Pembelian syarikat Grundig itu membolehkan MEC Bhd mengeluarkan televisyen nasional pertama buatan rakyat Malaysia. Ketika ini, persiapannya sedang berjalan lancar.

"Saya tidak boleh mengumumkan kos pembelian itu tetapi mencapai sehingga berjuta ringgit," katanya kepada pemberita di Kuantan, semalam.

Bandar MEC seluas 1,200 hektar itu yang bernilai RM4 bilion sedang dibangunkan untuk menjadi pusat peralatan elektrik yang unggul di negara ini yang lengkap dengan sekolah, kawasan perumahan pekerja, masjid, pusat penyelidikan dan pembangunan dan pusat latihan kemahiran tinggi.

Diiilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, projek berkenaan diadakan secara usaha sama antara Kuala Lumpur Industries Holdings Bhd, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Leong berkata, MEC Bhd akan mengeluarkan kira-kira 1,000 peralatan elektrik apabila Bandar MEC siap sepenuhnya dalam tempoh lima hingga 10 tahun dan menjadi bandar baru.

Ketika ini, pihaknya mengeluarkan 200 peralatan untuk pasaran tempatan dan luar negara.

(END)